



buletin salim

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

Paasa...
pesta juadah atau ibadah ?



APRIL
2022

ISSN 1985 - 7624



9 771985 762005

SIDANG REDAKSI SALAM

PENASIHAT

Puan Norliza binti Ismail

KETUA PENGARANG

Puan Rohana binti Ismail

PENOLONG KETUA PENGARANG

Encik Mohd Kamal Afif bin Rameli
Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

SIDANG PENGARANG

Sidang Redaksi Salam

GRAFIK


Encik Mazli bin Che Mamat
Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

FOTOGRAFI

Unit Media PPAT

PENERBIT

Sidang Redaksi SALAM
Perbadanan Perpustakaan Awam
Terengganu



Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu,
Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu.

Tel : 09-622 1100
09-622 0052
Fax : 09-622 1534
E-mel : ppat@trglib.gov.my
URL : <https://www.trglib.gov.my>



www.trglib.gov.my



PPATerengganu



ppat@trglib.gov.my



PPAT TV

© 2022 Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan,
ulangan, disimpan dalam sistem dapat kembali atau
disiarkan dalam apa-apa jua perkara samada secara
elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain
sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarang.

info Umum

Anugerah Pekerja *Cemerlang* bulanan April 2022

Mengiktiraf dan menghargai pegawai dan kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) yang telah mencapai tahap kecemerlangan. Menggalakkan persaingan sihat di kalangan warga kerja PPAT untuk meningkatkan prestasi kerja dan disiplin. Sebagai suntikan semangat kepada warga kerja PPAT untuk terus berkhidmat dengan lebih baik sekaligus membantu Jabatan merealisasikan penyampaian Kerajaan yang lebih cemerlang.



PENERIMA
ARIFIN BIN MOHAMAD

PEMBANTU PUSTAKAWAN S22
BAHAGIAN RANGKAIAN PERPUSTAKAAN
(PERPUSTAKAAN AWAM DAERAH DUNGUN)



PENERIMA
MASLINA BINTI MD LUDDIN

PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) W19
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
(UNIT KEWANGAN)

buku Barbaru

FIGHT N FLY

Nama Penulis : Nadrinaline Rush
Penerbit : Syarikat Fajar
ISBN : 9789838221078
No. Panggilan : FMD NAD

HADIAH BUAT PENGANTIN : MANISNYA BERNIKAH, INDAHNYA WALIMAH

Nama Penulis : Dr. Alwi bin Hamid
Penerbit : Telaga Biru Sdn. Bhd.
ISBN : 9789673886395
No. Panggilan : 297.577 ALW

THE EMPATHETIC WORKPLACE

Nama Penulis : Katharine Manning
Penerbit : HarperCollins Leadership
ISBN : 9781400220021
No. Panggilan : 658.001 MAN




penulis terengganu

Prof. Dr. Mohamad Hatta Azad Khan

Dilahirkan pada 29 Januari 1952.
Berasal dari Jerteh, Terengganu.

ANUGERAH YANG DIPEROLEHI




- Penerima S.E.A. Write Awards (2008)
- Anugerah Tokoh Akademik Negara (Kategori Seni Dan Kreatif) Daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
- Anugerah Lakon Layar Terbaik, Festival Filem Malaysia (1991) (Mat Som)
- Mewakili Negara Ke International Film Festival Japan, India, Hawaii, Taipei & Jakarta (Mat Som)
- Anugerah Gold Panda (Sinematografi Terbaik) Di Chengdu, China (2009) (Wayang)



Gambar Oleh : New Straits Times

KARYA YANG DIHASILKAN

- SYYY!
- Pi Mai Pi Mai Tang Tu
- Muzika Tun Perak
- Patung-Patung (Antologi Drama)
- Muzikal Kampung Baru
- Mat Som
- Wayang
- Mayat
- Dunia Belum Kiamat
- Jebat
- Teater Filem Dan Pengurusan
- Seni
- Nasib
- Stesen
- Pulang





“Ada kecukupan di dunia untuk keperluan manusia, tetapi tidak untuk keserakahannya manusia.”

- Mohandas K. Gandhi

Sorotan

Jom Baca Bersama 10 Minit

Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia disambut setiap tahun di seluruh dunia pada 23 April, sebagai tanda sokongan kepada budaya membaca, penerbitan dan hak cipta tempatan. Selain itu adalah untuk memupuk tabiat membaca secara berterusan di kalangan masyarakat terutamanya generasi muda. Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah mengadakan sambutan bagi tahun ini pada 21 April 2022.

Program Jom Baca Bersama 10 Minit telah dirasmikan oleh YABhg. To' Puan Seri Tuan Faizah binti Tuan Ab Rahman, isteri kepada Menteri Besar Terengganu bertempat di Dewan Serbaguna, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PPAT). Program tahunan ini telah berjalan serentak diseluruh negara bermula jam 11.00 - 11.10 pagi.

Sempena Majlis Perasmian, turut diadakan penyampaian hadiah pemenang buku terbanyak bagi tahun 2021 kategori ahli kanak-kanak, dewasa dan berkelompok serta penyampaian hadiah pemenang pertandingan mewarna kategori pra-sekolah, tahap 1 dan tahap 2 yang telah diadakan bagi memeriahkan sambutan Jom Baca Bersama 10 minit 2022.



Selain itu, satu Program Bicara Buku bersama Cikgu Amla yang bertajuk "Cikgu Multipurpose" dengan moderatornya adalah Tuan Zulkiflli bin Che Noh telah berjalan pada sebelah pagi sebagai pengisian kepada Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2022.



Sorotan

World #QuranHour 2022

Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah mengadakan program World #QuranHour 2022 pada 25 April 2022 yang menjadikan Surah Al-Sajdah sebagai surah pilihan untuk dibaca, diperhalusi dan difahami bersama.

Program yang pada awalnya dijadualkan berlangsung pada 26 April 2022 dimulakan lebih awal memandangkan Negeri Terengganu mengambil cuti umum pada Selasa sempena Hari Keputeraan Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin. Walaupun tarikh berlangsungnya program ini ditukar pada saat akhir, sambutan diterima dari agensi kerajaan sama ada kerajaan negeri dan persekutuan amat memberangsangkan.



Hampir 40,000 peserta terdiri daripada kakitangan agensi kerajaan negeri dan persekutuan turut serta untuk bersama-sama menyemarakkan program ini. Seramai 300 peserta terdiri dalam kalangan guru serta wakil agensi kerajaan menyemarakkan program di PPAT yang merupakan penganjuran Program World #QuranHour 2022 di Terengganu pada tahun ini. Program ini turut diadakan di peringkat Perpustakaan Awam Daerah Negeri Terengganu dengan kepelbagaian aktiviti yang bersesuaian.



Program ini telah dirasmikan oleh YB Haji Ridzuan bin Hashim merangkap Pengurus Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT). Tema World #Quran Hour kali ni adalah Dunia Bersujud. Empat orang Qari dari kalangan kakitangan PPAT secara bergilir-gilir memimpin bacaan Surah Al-Sajdah. Manakala pentadbir bagi surah ini adalah Ustaz Amir Syakirin dari Umah Ngaji Terengganu.



Ustaz Amir Syakirin turut menyampaikan ceramah bertajuk "kepentingan Al-Quran di dalam kehidupan" yang telah diadakan sebelum majlis perasmian program ini bermula.



PENAUNG : PENGANJUR :

MEDIA RASMI :

RAKAN MEDIA :

RAKAN STRATEGIK :



UMMAH IKHLAS



USAHA SAMA

Trivia

ACAI BOWL

Pada bulan Ramadan yang mulia ini, KKM ingin mengingatkan warga Malaysia supaya menitikberatkan aspek pemakanan yang sihat bagi:

- ✓ Memenuhi keperluan tenaga sepanjang berpuasa
- ✓ Memastikan tahap kesihatan berada pada tahap yang optimum.

Dikongsikan 8 amalan pemakanan sihat di bulan Ramadan yang boleh diamalkan oleh anda dan seluruh keluarga tersayang.

8 Amalan pemakanan sihat di bulan Ramadan

Makan secara perlahan-lahan dan tidak gopoh ketika berbuka.

Ambil makanan berkhasiat yang membekalkan tenaga dan nutrien ketika bersahur.

Kawal kalori: Amalkan pemakanan sederhana dan seimbang mengikut konsep Suku-Suku Separuh.

Minum 8 gelas atau 2 liter air antara waktu berbuka hingga sahur.

Makanan tinggi gula.

Ambil makanan tinggi serat: mengoptimalkan sistem imuniti badan, melancarkan penghadaman.

Elakkan minuman berkafein: menyebabkan kehilangan air dalam badan.

Kurangkan makanan berlemak, berminyak, dan masin.

Bersama Hentikan Wabak COVID-19 moh.gov.my

SUMBER: KENYATAAN MEDIA KPK, 3 APRIL 2022

SUARA Netizen



Pemakanan Sihat



Norhidayah Binti Abdul Rahman
35 Tahun

“ Bazar Ramadhan merupakan lokasi terbaik untuk mencari juadah berbuka puasa. Walaubagaimanapun, pembeli seharusnya menitikberatkan aspek kebersihan sebagai langkah untuk mengelak daripada membeli makanan yang tidak bersih. Peniaga yang memakaian apron dan sarung tangan antara ciri-ciri yang boleh diambil kira dalam memastikan makan yang dijual adalah bersih. ”



Ahmad Fahmi Rosli
30 Tahun



Mimi Asnadhia Zari
30 Tahun

“ Pemakanan seimbang adalah perlu dalam memastikan setiap makan yang diambil adalah mengikut keperluan harian. Rata-rata masyarakat hari ini terlupa dalam mengawal pengambilan makanan seimbang apabila tiba dibazar Ramadhan. Selain itu, pembeli juga perlu sentiasa memastikan aspek kebersihan peniaga dan makanan yang dijual terjaga sebelum membeli juadah. ”

“Jangan Sisakan Makanan & Minuman”

**“ Jika selesai makan,
hendaklah kamu menjilat
jarinya, kerana kamu tidak
tahu di bahagian makanan
yang manakah yang
mengandungi berkah.”
(HR. Muslim 2033)**



kenali PPAT




PERPUSTAKAAN DESA GONG NANGKA, BESUT

Perpustakaan desa adalah satu tempat yang memiliki segudang ilmu untuk masyarakat desa. Mewujudkan Perpustakaan desa merupakan satu langkah yang diambil oleh Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PPAT) dalam usaha untuk memperluaskan rangkaian perkhidmatan perpustakaan kepada masyarakat luar bandar. Melalui cara ini diharap dapat merapatkan jurang ilmu dan digital dikalangan penduduk di luar bandar dan bandar. Langkah ini juga dilihat sebagai salah satu cara untuk menanam minat membaca dan mencintai ilmu selain daripada mampu meningkatkan kualiti hidup masyarakat desa.



Perpustakaan Desa Kampung Pengkalan Nangka merupakan salah satu perpustakaan yang diurustadbir oleh Perpustakaan Awam Negeri Terengganu. Lokasi perpustakaan yang berhampiran dengan sekolah dan tabika KEMAS merupakan tarikan tambahan kepada kewujudan perpustakaan desa. Pihak pengurusan perpustakaan desa yakin dengan kekerapan mengadakan pelbagai aktiviti yang berterusan berunsur keilmuan akan mampu memastikan setiap lapisan masyarakat dapat menikmati kemudahan yang disediakan di perpustakaan desa.

Menurut Encik Mohd Asryy Bin Mustafa (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung) Mukim Pengkalan Nangka, terdapat 9 buah kampung yang berada dibawah pentadbiran mukim. Keseluruhan jumlah rumah yang terdapat di Kampung Pengkalan Nangka ini adalah sebanyak 140 buah rumah. Penduduk Kampung Pengkalan Nangka aktif menjalankan pelbagai aktiviti yang berbentuk Industri Kecil Sederhana (IKS) seperti perusahaan burung walet, ternakan ikan air tawar, bermiaga, menjahit dan perusahaan membuat kuih. Uniknya kampung ini adalah mereka mempunyai kumpulan Dikir Barat yang masih lagi bergerak aktif mengadakan persembahan-persembahan bergantung kepada undangan.



Encik Mohd Asryy Bin Mustafa

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Mukim Pengkalan Nangka



Ternakan Ikan Air Tawar

Promosi perpustakaan dengan mengadakan aktiviti-aktiviti dan program yang tidak hanya tertumpu kepada golongan kanak-kanak sahaja malahan juga melibatkan semua lapisan masyarakat. Antara aktiviti mingguan yang dijalankan untuk menarik minat pengguna datang ke perpustakaan adalah seperti mewarna, melukis, kraf, bercerita merupakan aktiviti yang paling digemari oleh kanak-kanak.



Perusahaan Burung Walet

Penyediaan bahan bacaan yang memenuhi kehendak golongan belia turut membantu kepada peningkatkan statistik pinjaman perpustakaan desa tersebut. Langkah ini juga dilihat akan membantu kepada membentuk komuniti yang berilmu.

Penggunaan perpustakaan secara berkesan akan mampu melahirkan masyarakat luar bandar yang berpengetahuan luas dan mampu menjadi masyarakat yang berjaya.

PROGRAM BAHASA
市大NDRIN
KOMUNIKASI

BERMULA JUN 2022

2 Kali Seminggu Selama 30 Jam

Waktu Kelas 8.00 pm - 10.00 pm

Yuran RM250 termasuk nota & sijil penyertaan

50% subsidi kerajaan negeri

Antara kandungan program ini ialah latihan sebutan, memahami ayat mudah, berbual dalam konteks mudah, menulis ayat pendek dan mudah

Wǒ jiào Bélla.
Wǒ jiào sītāi.
(wǒ jiào péili)
Saya bernama Bella.

我叫阿里。
我叫艾丽。
(我叫贝拉)
Saya bernama Ali.

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU
Website : www.trglib.gov.my
قوس تهاس ترڠغانو
PUSAT BAHASA TERENGGANU
Tel : 09-6225452
Website : www.pbt.trglib.gov.my

Bahasa
KOREA
komunikasi

YURAN RM250
termasuk nota dan sijil penyertaan

50%
yuran program disubsidi oleh kerajaan negeri TERENGGANU

tenaga pengajar dari KOREA

DUA KALI SEMINGGU
8.00PM - 10.00PM
30JAM

Antara kandungan program ini ialah latihan sebutan, memahami ayat mudah, berbual dalam konteks mudah, menulis ayat pendek dan mudah

BERMULA JUN 2022

Pendaftaran secara atas talian - <http://pbt.trglib.gov.my>

پاراپن فوستاكاون علوم ترڠڬانو
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU
Tel : 09-6221100
Website : www.trglib.gov.my

فوست تهاس ترڠڬانو
PUSAT BAHASA TERENGGANU
Tel : 09-6225452
Website : www.pbt.trglib.gov.my

Beautiful Terengganu
Malaysia

Bahasa
ARAB
komunikasi

BERMULA JUN 2022

50%
SUBSIDI KERAJAAN NEGERI

30 JAM

DUA KALI SEMINGGU
8.00PM - 10.00PM

YURAN RM250
termasuk nota & sijil penyertaan

Antara kandungan program ini ialah latihan sebutan, memahami ayat mudah, berbual dalam konteks mudah, menulis ayat pendek dan mudah

50% SUBSIDI KERAJAAN NEGERI

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU
Website : www.trglib.gov.my
قوس تهاس ترڠڬانو
PUSAT BAHASA TERENGGANU
Tel : 09-6225452
Website : www.pbt.trglib.gov.my

PENDAFTARAN ATAS TALIAN
<http://www.pbt.trglib.gov.my>

Beautiful Terengganu
Malaysia

KELAS BAHASA
INGGERIS
PROGRAM CUTI SEKOLAH 2022

CONVERSATION

LANGUAGE TALK

50% SUBSIDI KERAJAAN NEGERI

PENDAFTARAN DIBUKA SEKARANG

SESI I : II DISEMBER 2022 - 22 DISEMBER 2022
SESI II : 19 FEBRUARI 2023 - 2 MAC 2023

MASA PEMBELAJARAN
8.30 PAGI - 12.00 TENGAHARI
3 JAM 30 MINIT SEHARI
AHAD - KHAMIS
SELAMA 2 MINGGU

YURAN

TAHUN 2 - TAHUN 3	TAHUN 4 - TAHUN 6	TAHUN 5 - TAHUN 7	TAHUN 6 - TAHUN 8
RM140	RM160	RM180	RM200

*pengambilan peserta adalah terhad

PENDAFTARAN SECARA ONLINE
www.pbt.trglib.gov.my

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU
Tel : 09-6221100
Website : www.trglib.gov.my

قوس تهاس ترڠڬانو
PUSAT BAHASA TERENGGANU
Tel : 09-6225452
Website : www.pbt.trglib.gov.my

Beautiful Terengganu
Malaysia



buletin **salam**

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM TERENGGANU
Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman

© 2022 Hak Cipta Terpelihara

